



مجلس بنداراي فتالينج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

# KENYATAAN AKHBAR

BIL :

**Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (58)**

**Tarikh: 4 Oktober 2024**

## **MBPJ RAI 480 MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK, HARGAI JASA BANTU MASYARAKAT**

Sebagai menghargai komitmen yang diberikan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) meraikan 480 Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) di kawasan pentadbirannya pada Majlis Apresiasi Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) dan Penyampaian Watikah Pelantikan MPP 2024/2025.

Majlis penyampaian watikah akan disempurnakan oleh YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya di Dewan Banquet, MBPJ.

Objektif penganjuran majlis ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri Selangor untuk memastikan sistem pentadbiran sektor awam sentiasa efisien dan dekat kepada masyarakat, Kerajaan Negeri telah mengarahkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk menubuhkan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) mengikut setiap 24 zon Ahli Majlis.

MPP ini terdiri daripada wakil komuniti yang bekerjasama dan berganding bahu bersama jentera MBPJ bagi menjadi mata dan telinga sekali gus membantu memperkasakan perkhidmatan kepada masyarakat. MPP juga berperanan membantu MBPJ menjayakan pelbagai aktiviti kemasyarakatan yang selari dengan hala tuju MBPJ ke arah pembentukan sebuah bandar raya pintar, mampan dan berdayatahan.

Sebagai tanda penghargaan dan galakan terhadap komitmen serta kerjasama yang diberikan, MBPJ berbesar hati menganjurkan majlis apresiasi kepada MPP ini sebagai pendorong semangat dalam melaksanakan tugas.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media  
Unit Komunikasi Korporat,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),  
emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



[www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my)



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)



BIL :

**Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (59)**

**Tarikh: 14 Oktober 2024**

## **MBPJ MENGAMBIL LANGKAH SERIUS BERKAITAN KEGAGALAN CERUN DI SEKSYEN 21, PETALING JAYA**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah menerima aduan awam melalui aplikasi “Whatsapp” berkenaan satu kejadian tanah runtuh di bahagian belakang sebuah kediaman beralamat di No.4, Jalan 21/11, Seksyen 21, Petaling Jaya, Selangor pada 12 Oktober 2024 jam 11.32 malam.

Sejurus menerima aduan tersebut, seorang pegawai dan enam (6) anggota Pasukan Tindakan Segera MBPJ bersama Polis Diraja Malaysia serta Bomba dan Penyelamat Daerah Petaling telah bergegas ke lokasi kejadian dan mendapati bahawa kejadian tanah runtuh ini berpunca dari hujan yang berterusan bermula pada jam 04.00 petang sehingga 12.00 pagi, 13 Oktober 2024 (Sumber dari Jabatan Meteorologi Malaysia - Petaling Jaya). Taburan hujan yang paling tinggi direkodkan adalah 63.4mm pada jam 07.00 malam.

Hasil pemantuan yang dibuat oleh Pasukan Unit Saliran dan Cerun, Jabatan Kejuruteraan MBPJ di lokasi tersebut pada 13 Oktober 2024 mengesahkan telah berlaku runtuhannya tembok penahan graviti jenis ‘Rubble Wall’ sekitar 25 meter ke arah kawasan lapang rumah No.1 dan No.2 di Jalan 21/9A. Anggaran runtuhannya adalah seluas 112.5m<sup>2</sup> dengan cerun berstruktur kelas III. **Tiada rezab senggara Majlis di kawasan runtuhannya.**

Keadaan struktur rumah No. 4, Jalan 21/11 masih berada dalam keadaan baik dan tiada sebarang keretakan dilihat di lokasi. Hasil dari pemerhatian secara visual juga mendapati bahawa terdapat air buangan dari bumbung rumah No. 4 terus ke struktur cerun tanpa unit ‘gutter’ dan saluran air yang sempurna. Keadaan tanah di kawasan runtuhannya didapati berada dalam keadaan tepu (saturated).



Selain itu, kegagalan pemilik kediaman untuk membuat penyelenggaraan halangan (sisa) dalam lubang air leleh dan pada hujung paip (weephole) juga telah menyebabkan air di belakang tembok penahan tidak dapat mengalir keluar. Ketiadaan struktur longkang 'berm' antara struktur 'rubble pitching' dengan tembok penahan 'rubblewall' (menegak) telah meningkatkan potensi serapan air berlaku di ruang kosong di antara tanah dan struktur.

Bagi mengelakkan risiko kejadian yang lebih buruk, Majlis telah menutup kawasan runtuh tersebut dengan menggunakan helaian 'Tarpaulin Sheet'. Untuk cadangan pembaikan cerun jangka panjang, pemilik diminta untuk melantik Perunding Geoteknikal untuk menjalankan pemeriksaan dan siasatan sepenuhnya terhadap keadaan cerun, unsur struktur dan mengenal pasti sebarang pengubahan atau tambahan pada cerun. Pemilik juga dikehendaki untuk mengemukakan satu laporan tentang hasil pemeriksaan visual dan syor cadangan pembaikan dan penstabilan cerun kepada pihak Majlis.

Mengambil kira situasi luar jangka, MBPJ telah bertindak dengan mengaktifkan Bilik Gerakan Bencana bagi menyalurkan maklumat dari semasa ke semasa, menyelaraskan operasi, serta membantu golongan yang terjejas. Sekiranya berlaku sebarang bencana atau memerlukan bantuan berkaitan bencana, orang ramai di bawah kawasan pentadbiran Petaling Jaya boleh menghubungi segera talian *hotline* aduan MBPJ di 03-79542020 atau Bilik Gerakan Bencana di talian 03-79574113 (beroperasi 24 jam).

Selain itu, orang ramai juga dinasihatkan untuk lebih berwaspada dan sentiasa peka dengan ramalan dan amaran cuaca yang dikeluarkan oleh MET Malaysia.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media**  
**Unit Komunikasi Korporat,**  
**Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),  
emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بنداراي قتاليج جاي

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

# KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (60)

Tarikh: 17 Oktober 2024

## KERJA-KERJA PEMBAIKAN STADIUM HOKI MBPJ

Stadium Hoki MBPJ adalah aset penting dalam pembangunan sukan di Petaling Jaya. Ia berfungsi sebagai tempat latihan dan kejohanan bagi atlet, serta menjadi lokasi acara sukan yang menarik perhatian ramai.

Oleh itu, penyelenggaraan yang baik adalah aspek kritikal untuk memastikan stadium sentiasa dalam keadaan optimum, selamat, dan mampu memberikan pengalaman terbaik kepada pengguna.

Penyelenggaraan strategik merujuk kepada pendekatan terancang dan berterusan untuk memastikan keadaan fizikal dan operasi stadium berada pada tahap tertinggi. Ini termasuk menjamin keselamatan pengguna dan mencegah kemalangan, yang sangat penting bagi penonton dan atlet.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya amat responsif terhadap aduan yang telah dibangkitkan mengenai kerosakan pada permukaan padang stadium. Pihak Majlis telah mengadakan lawatan tapak dan kajian terperinci dibuat mengenai perancangan menaiktaraf stadium. Pada ketika ini, Majlis masih lagi mempertimbangkan untuk menaiktaraf 'turf' di Stadium Hoki MBPJ.

Sementara itu, Majlis telah pun melaksanakan kerja-kerja pembaikan tandas, mengecat tiang gol, dan mengecat dinding di tempat duduk penonton VIP, yang telah siap pada 30 September lalu. Semua langkah ini diambil untuk memastikan Stadium Hoki MBPJ terus berfungsi dengan baik dan memuaskan.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media**  
**Unit Komunikasi Korporat,**  
**Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),  
emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



[www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my)



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)





مجلس بنداراي فتالينج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

# KENYATAAN AKHBAR

BIL :

**Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (61)**

**Tarikh: 17 Oktober 2024**

## **PENJELASAN MENGENAI PREMIS DISITA WALAUPUN MEMPUNYAI TUNGGAKAN SEWA SEBULAN BAGI PREMIS MILIK MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah mengadakan Operasi Penguatkuasaan Penyewaan pada 11 dan 14 Oktober 2024 di semua premis sewaan milik MBPJ.

Hasil daripada operasi ini, sebanyak 25 unit premis sewaan di Pasar Awam Majlis dan 22 unit premis sewaan di Gerai Majlis telah diarah tutup atas kesalahan tunggakan sewa.

Kesemua premis yang disita ini mempunyai tunggakan sewa sebanyak dua bulan iaitu September dan Oktober 2024.

Pihak Majlis sebelum ini telah pun mengeluarkan tiga (3) Notis Peringatan kepada penyewa untuk menjelaskan tunggakan sewa.

Prosedur ini terkandung dalam Dokumen Perjanjian Penyewaan yang telah dipersetujui dan ditandatangani di antara pihak Majlis dan penyewa.

Pihak Majlis amat prihatin dan tindakan yang dilaksanakan ini adalah mengikut tatacara dan prosedur penyewaan yang telah ditetapkan.

Kesemua penyewa yang telah ditamatkan penyewaan boleh memohon semula penyewaan premis Majlis melalui [www.e-sewa@mbpj.gov.my](mailto:www.e-sewa@mbpj.gov.my) atau hadir sendiri di kaunter Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media  
Unit Komunikasi Korporat,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),  
emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



[www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my)



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)



BIL :

**Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (62)**

**Tarikh: 24 Oktober 2024**

## **MBPJ SERAH SUMBANGAN KEPADA KAUM INDIA SEMPENA DEEPAVALI 2024**

Menyedari situasi yang mencabar pada masa kini, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) sekali lagi meneruskan usaha tanggungjawab sosialnya dengan menganjurkan Program Sumbangan Sambutan Perayaan Deepavali Tahun 2024 yang bertempat di Tingkat 1, Bilik Gerakan, Ibu Pejabat MBPJ.

Majlis penyerahan sumbangan ini merupakan kesinambungan daripada inisiatif MBPJ untuk memberi khidmat komuniti dalam membantu meringankan beban golongan B40 terutamanya yang berpendapatan RM2,589.00 ke bawah dalam kalangan ibu tunggal, warga emas, keluarga yang mempunyai anak orang kurang upaya (OKU) dan keluarga yang mempunyai tanggungan anak ramai untuk menyambut perayaan Deepavali pada 31 Oktober 2024.

Program penyerahan sumbangan yang merupakan program tahunan Majlis ini turut menjadi platform untuk memupuk nilai ihsan dan semangat kebersamaan dalam komuniti serta menzahirkan keprihatinan terhadap kumpulan sasaran yang memerlukan bantuan khususnya di Petaling Jaya. Tambahan pula, ia selaras dengan Pelan Pembangunan Bandar sebagai *Inclusive City* yang mengambilkira keperluan dan penglibatan semua golongan terutamanya golongan miskin dalam perancangan pembangunan sosial.

Seramai 72 keluarga masyarakat India diraikan dalam Majlis ini di mana 60 keluarga telah menerima sumbangan Deepavali berbentuk wang tunai RM300.00 manakala baki 12 keluarga pula menerima sumbangan Program Jalinan Kasih 3R PJKITA berupa barangan terpakai yang telah dipilih oleh penerima sumbangan berserta baucar belian sebanyak RM300.00. Penyerahan sumbangan telah disampaikan oleh YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya.

Untuk makluman, 60 penerima sumbangan ini merupakan penerima dari data e-Kasih di kawasan Petaling Jaya serta yang berdaftar di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar MBPJ. Manakala 12 orang penerima sumbangan di bawah Program Jalinan Kasih 3R PJKITA MBPJ pula adalah hasil cadangan daripada Ahli Majlis.



Majlis sentiasa komited mengadakan program berbentuk kebajikan bagi menyantuni pelbagai lapisan masyarakat yang kurang bernasib baik sempena perayaan-perayaan utama. Besar harapan Majlis melalui penganjuran program ini dapat memberikan sinar kegembiraan kepada penerima dan seterusnya menjadikan sambutan Pesta Cahaya mereka tahun ini lebih bermakna.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media  
Unit Komunikasi Korporat,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),  
emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بنداراي فتالينج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

# KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (63)

Tarikh: 30 Oktober 2024

## MBPJ RANGKUL 3 ANUGERAH SEMPENA SAMBUTAN HARI PERANCANG BANDAR SEDUNIA (HPBS) TAHUN 2024 PERINGKAT KEBANGSAAN

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah dinobatkan sebagai penerima **Anugerah Bandar Paling Mampan 2024, Anugerah Persekitaran Mesra Kanak-Kanak Terbaik 2024 dan Anugerah Khas Amalan Perancangan Terbaik YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan 2024** di Majlis Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) Tahun 2024 Peringkat Kebangsaan yang telah diadakan di Everly Hotel, Putrajaya.

Menerusi kemenangan itu, MBPJ membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM4,000, RM5,000 dan RM10,000 berserta sijil penghargaan dan plak. Upacara penyampaian anugerah **Malaysia Urban Planning Awards (MUPA) 2024** kepada 21 penerima Anugerah Bandar Mampan 2024, 20 penerima Anugerah Penarafan Bandar Pintar 2024 dan 10 penerima Anugerah Amalan Perancangan Terbaik 2024 telah disampaikan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming.

YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya hadir menerima anugerah tersebut diringi Timbalan Datuk Bandar, Timbalan Setiausaha Pengurusan dan Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan. Sambutan HPBS 2024 dengan tema "**Sedaya Upaya Membina Bandar Mampan dan Pintar #DemiPertiwi**" mencerminkan komitmen kerajaan dalam mencapai agenda Pembangunan Mampan dan memenuhi matlamat pembangunan mampan atau *Sustainable Development Goals* (SDG) menjelang tahun 2030 yang telah diluncurkan sejak 2015 bersama 192 anggota lain.

Sambutan HPBS 2024 merupakan anjuran bersama di antara Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia), Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP), Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Perbadanan Putrajaya (PPJ) dan Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM).





MUPA merupakan platform pengiktirafan dan penghargaan kepada semua pihak termasuk pihak kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan (NGO), pemimpin tempatan dan komuniti setempat dalam membangunkan persekitaran sama ada di peringkat kejurangan mahupun perbandaran yang lebih berdaya huni dan inklusif di masa hadapan (Sila rujuk ringkasan anugerah di **Lampiran**).

MBPJ terus komited berusaha sedaya upaya merancang dan membina bandar mampan dan pintar serta memajukan negara ke arah kesejahteraan komuniti selaras dengan gagasan dan tonggak Malaysia MADANI.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media**  
**Unit Komunikasi Korporat,**  
**Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),  
emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695